

29/05/2003

Remaja pedalaman bercita-cita tinggi

Azrina Ahzan

KEMISKINAN dan kedudukan tempat tinggal yang jauh di pedalaman tidak menyebabkan golongan muda yang tinggal di Long Bedian, Baram, Sarawak dinafikan hak mereka untuk mendapat pendidikan yang secukupnya.

Kemudahan yang agak terhad dan ketiadaan sistem perhubungan yang baik tidak menghalang mereka daripada meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Janet Wan, 19, yang sedang mengikuti pengajian tahun kedua di Universiti

Teknologi Mara (UiTM) dalam bidang Pentadbiran Awam, berkata masalah kekurangan kemudahan pendidikan di Long Bedian tidak menghalang beliau mendapat pendidikan yang sewajarnya, khususnya pada peringkat awal atau prasekolah.

Ini kerana, katanya, terdapat tadika anjuran Jabatan Kemajuan Masyarakat

(Kemas) dan Sekolah Rendah Long Bedian yang mampu menyediakan pendidikan awal dengan secukupnya.

"Saya belajar di Sekolah Rendah Long Bedian dari tahun satu hingga tahun

enam, sebelum menyambung pelajaran peringkat menengah di Miri.

"Berdasarkan pengalaman saya, sistem pendidikan yang disediakan adalah mencukupi, tetapi kepada yang mahu meneruskan pendidikan ke peringkat menengah, mereka perlu ke luar (daripada Long Bedian) kerana tidak ada kemudahan sepertinya di sini (Long Bedian).

"Oleh itu, saya berharap tindakan sewajarnya akan diambil oleh pihak tertentu untuk menyediakan kemudahan peringkat menengah di kawasan ini," katanya ketika ditemui sempena pelancaran laman web e-Bedian di Long Bedian, baru-baru ini.

Bagaimanapun, beliau berkata, semuanya bergantung kepada sikap wanita dan keluarga mereka sama ada ingin menghantar anak mereka melanjutkan pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi.

Bagi beliau, pendidikan adalah penting kerana mampu mengubah taraf hidup

keluarga dan pandangan orang ramai terhadap masyarakat rumah panjang serta

Orang Ulu di Sarawak.

Katanya, ramai pihak beranggapan wanita yang tinggal di rumah panjang atau kawasan pedalaman serta terpencil di negeri ini, tidak mempunyai pendidikan kerana tidak ada kemudahan sedemikian di kawasan berkenaan.

Bagaimanapun, Janet berkata, pihak terbabit tidak mengetahui keadaan sebenar di Long Bedian dan kebanyakan rumah panjang di negeri ini, mempunyai kemudahan asas mencukupi serta sistem pendidikan awal yang memadai.

Sementara itu, Felicia Luhan, 22, yang belajar hingga ke Tingkatan Satu

menyedari pentingnya pelajaran dalam memperbaiki taraf hidup seseorang itu.

Katanya, walaupun tidak menamatkan persekolahan hingga ke Tingkatan Lima

sebaliknya mengambil keputusan untuk berkahwin pada usia muda, beliau tetap merasakan pendidikan itu penting dalam kehidupan seseorang itu.

"Saya akan memastikan anak-anak saya menamatkan persekolahan mereka sekurang-kurangnya hingga ke Tingkatan Lima, kerana hanya dengan cara itu

saja mereka dapat memperbaiki kehidupan mereka.

"Lagipun, keadaan dunia sekarang amat memberi tumpuan kepada pendidikan

dan ilmu pengetahuan, jadi saya akan memberikan galakan dan sokongan kepada mereka dan kalau boleh saya mahu mereka melanjutkan pelajaran hingga ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT)," katanya yang mempunyai seorang anak lelaki berusia tiga tahun.

Bagaimanapun bagi Weh Lei, 15, yang berasal dari Long Liam, iaitu kira-

kira tiga jam perjalanan menggunakan jalan balak ke Long Bedian, masih gagal bertutur dalam Bahasa Melayu dengan baik walaupun mengikuti pelajaran peringkat rendah di Long Bedian.

Keadaan itu mungkin berpunca daripada sikap beliau atau sebilangan lagi

golongan muda itu sendiri, yang memandang remeh akan kepentingan Bahasa Melayu kerana merasakan ia tidak penting di kawasan yang menggunakan bahasa Kayan sebagai bahasa seharian.

Mereka juga mungkin tidak sedar kegagalan mereka bertutur dalam bahasa kebangsaan dengan baik akan menyukarkan mereka untuk menguasai ilmu pengetahuan yang kebanyakan menggunakan bahasa itu atau Bahasa Inggeris.

Golongan muda ini sepatutnya mengambil kesempatan akan pelancaran laman

web e-Bedian oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Long

Bedian pada 8 Mei lalu, untuk mendapatkan pelbagai maklumat yang boleh memberi kebaikan kepada kehidupan mereka.

Selain laman web, syarikat Telekom Malaysia Berhad (Telekom) turut menyediakan tiga telefon awam untuk kegunaan lebih 1,500 penduduk di Long

Bedian dan kawasan sekitarnya.

Segala kemudahan yang disediakan oleh kerajaan dan swasta sewajarnya diambil kesempatan, untuk memperbaiki lagi kehidupan golongan muda di kampung Long Bedian dan sekitar.

Bagi Philip Wan, 28, yang kini bertugas di Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) sebagai Pembantu Penyelidik di Fakulti Teknologi Maklumat, ketiadaan pendidikan peringkat menengah di Long Bedian tidak menghalang beliau untuk mencapai kejayaan dalam pelajarannya.

Beliau mengikuti pendidikan rendah di Long Bedian, manakala pendidikan peringkat menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan (SM) Tutoh-Apoh (Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga) dan SMK Marudi (Tingkatan Empat hingga Tingkatan Lima).

"Saya terpaksa berulang-alik setiap hari ke SMK Tutoh-Apoh yang mengambil masa selama dua hingga tiga jam setiap hari, tetapi saya tinggal

di asrama ketika belajar di SMK Marudi.

"Dengan adanya asrama yang disediakan oleh pihak sekolah, saya dapat memberi tumpuan yang lebih kepada pelajaran saya.

"Jadi tidak timbul soal rindu pada keluarga di kampung kerana saya merasakan pendidikan adalah penting untuk masa depan saya," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap kewujudan e-Bedian dapat menyemarakkan lagi semangat menimba ilmu golongan muda di Long Bedian kerana ia menyediakan banyak peluang kepada mereka untuk berbuat demikian.